

**UCAPAN ALUAN**  
**YBHG PROF. DATUK DR. SHAHRIN BIN SAHIB**  
**NAIB CANSELOR UTeM**

---

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA PERPUN KALI KE-4, 2015  
REVOLUSI INFORMASI**

**AVILLION LEGACY HOTEL, MELAKA**  
**26 Syawal 1436H / 11 OGOS 2014 (SELASA)**

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh  
Salah Sejahtera, Salam Satu Malaysia

Salam Melaka Maju Negeriku Sayang, Negeri Bandar Teknologi Hijau,  
Melaka 753 tahun, Melaka Maju Fasa 2, Berkat, Cepat, Tepat.

**Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md Yunos Bin Husin**  
Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau  
Dan Inovasi Negeri Melaka

**YBhg. Prof. Ir. Dr. Mohd Jailani Bin Mohd Nor**  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan Dan Inovasi) UTeM

**YBhg. Encik Shafikullah Bin Hj. Mohd Shafiee**

Pengarah Prasarana Ilmu dan Maklumat, Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) mewakili Pengerusi PERPUN

**Yang Berusaha Puan Hajah Faridah Hj. Binti Md Amin**

Ketua Pustakawan Perpustakaan UTeM

*Merangkap Pengerusi Persidangan Antarabangsa PERPUN Kali ke 4, 2015*

Pegawai Kanan Universiti, Para Peserta Persidangan, Hadirin dan Hadirat sekalian.

1. Alhamdulillah, segala puji-pujian bagi Allah SWT, Tuhan Sekalian Alam yang telah mengizinkan kita untuk sama-sama berhimpun di Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa PERPUN Kali Ke 4, 2015 anjuran Perpustakaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada pagi yang berbahagia ini.

2. Terlebih dahulu saya ingin merakam setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada Yang Berhormat Datuk Wira Hj. Md Yunos Bin Husin, Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains Dan Teknologi, Teknologi Hijau Dan Inovasi Negeri Melaka kerana sudi meluangkan masa hadir di dalam majlis ini mewakili Yang Amat Berhormat Datuk Seri Ir. (Dr.) Haji Idris bin Hj. Haron, Ketua Menteri Melaka. Walaupun Yang Berhormat Datuk Wira mempunyai jadual harian yang padat, namun masih dapat bersama-sama kita bagi menyempurnakan Majlis Perasmian Persidangan Antarabangsa PERPUN Kali Ke -4 pada pagi ini. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira.
3. Di kesempatan ini, saya juga ingin mengalu-alukan kehadiran semua peserta persidangan terutamanya para Pustakawan, Pengurus Pusat Sumber dan pentadbir universiti. Semoga tuan-tuan dan puan-puan memperoleh manfaat yang terbaik hasil dari penganjuran persidangan ini.

4. Penganjuran persidangan antarabangsa seperti ini bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan kerana kehadiran pesertanya bukan sahaja dari dalam negara bahkan dari luar negara, Justeru, saya juga ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada jawatankuasa pelaksana di atas komitmen dan kesungguhan untuk menganjurkan persidangan yang bukan sahaja menepati saranan aspek pendidikan negara malah dapat menaikkan lagi nama UTeM dan Negeri Melaka di peringkat antarabangsa.

## **Penganjuran PERPUN**

Hadirin dan Hadirat Sekalian,

5. Persidangan PERPUN ini diadakan dengan matlamat untuk merealisasikan visi dan misi universiti melalui aktiviti penyelidikan yang berterusan. Menerusi tema revolusi informasi, persidangan ini merupakan satu platform terbaik bagi membincangkan topik-topik

tumpuan, selain membolehkan para penyelidik, ahli akademik dan peserta persidangan berinteraksi dan bertukar pendapat sesama golongan profesional dalam bidang kepustakawan. Ianya secara langsung dapat memberi pendedahan dan pengalaman yang bermanfaat kepada peserta persidangan mengenai isu-isu atau trend semasa dan cabaran-cabaran yang perlu dihadapi serta ditangani dalam bidang kepustakawan.

6. Suka saya berkongsi sedikit maklumat berkenaan persidangan kali ini. Untuk makluman YB. Datuk Wira dan para peserta, seramai lebih kurang 50 orang peserta yang terdiri daripada mereka yang terlibat secara langsung dalam bidang kepustakawan. Tercatat di sini juga, sejumlah 10 kertas kerja akan dibentangkan sepanjang tempoh dua (2) hari persidangan ini berlangsung.

7. Saya yakin, menerusi perkongsian dalam persidangan ini, kualiti penyelidikan dan perkhidmatan dapat dipertingkatkan lagi ke aras yang lebih mantap sekali gus memperkuatkan fungsi institusi perpustakaan sebagai pusat informasi ilmu pengetahuan yang mampu mencerdaskan kehidupan masyarakat dan menunjang pembangunan nasional.

## **Peranan Perpustakaan dalam Revolusi IT**

### Hadirin dan Hadirat Sekalian

8. Negara kita kini telah memasuki era teknologi maklumat dan revolusi informasi yang canggih. Aliran maklumat berlaku dengan begitu pantas dan mampu mempengaruhi corak serta kaedah pengurusan sesuatu pekerjaan malah turut memberi kesan terhadap gaya hidup seharian kita. Perubahan teknologi dalam dunia alaf baru ataupun lebih dikenali dengan istilah globalisasi tanpa sempadan ini secara

langsung memberi cabaran hebat kepada pengurusan perpustakaan yang menuntut untuk memberi tindak balas lebih pantas dan proaktif dalam sistem perkhidmatan yang disediakan.

9. Seperti mana kita sedia maklum, peranan perpustakaan amatlah penting bagi menyokong usaha-usaha pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Tambahan pula pada masa kini negara mempunyai lebih daripada 1.3 juta orang pelajar sedang menuntut pengajian di peringkat rendah, menengah dan tinggi. Namun, perkhidmatan perpustakaan pada masa kini tidak hanya terhad kepada pelajar di sekolah dan institusi pengajian tinggi, malah aksesnya turut diperluaskan kepada masyarakat luar sama ada di dalam dan luar negara. Justeru, bagi merealisasikan hasrat ini, kejayaan perpustakaan di masa hadapan bukan sahaja bergantung pada revolusi teknologi maklumat siap-sedia di hujung jari sahaja, malah memerlukan sokongan dan sumbangan idea-idea serta pandangan

yang mampu meningkatkan lagi keberkesanan perkhidmatan perpustakaan.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Perpustakaan UTeM sentiasa sedar akan transformasi yang bukan sahaja berlaku dalam aspek teknologi malah persekitaran yang lain. Ini bagi memastikan proses perkembangan ilmu sentiasa berjalan dengan baik dan mampu mencapai ekspektasi pengguna dan masyarakat.
11. Bagi memenuhi hasrat ini, Perpustakaan UTeM sentiasa berusaha dalam mengukuhkan sarana sumber maklumat dan bahan rujukan untuk kemudahan warga universiti dan masyarakat khususnya di Negeri Melaka. Pada masa kini, Perpustakaan UTeM dilengkapi dengan lebih daripada 103,490 judul buku, yang terdiri daripada 97,020 judul buku bercetak dan 6,470 tidak bercetak, serta 4 e-books

yang mengandungi 4,020,133 judul buku, yang boleh diakses secara atas talian (online) oleh warga universiti melalui 18 judul pangkalan data yang dilanggan oleh pihak perpustakaan UTeM. Perpustakaan UTeM turut menggunakan Sistem *Integrated Library Management Utility* (ILMU) bagi membantu keberkesanan pengoperasian dan pengurusan Perpustakaan.

12. Dari masa ke semasa, Perpustakaan UTeM akan terus berusaha untuk menjadi pusat rujukan utama warga universiti mahupun masyarakat luar di samping memberikan kualiti perkhidmatan yang terbaik selaras dengan visi Universiti untuk menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

Hadirin dan Hadirat sekalian,

13. Saya berharap agar persidangan PERPUN kali ini akan digunakan dengan sepenuhnya oleh semua pihak khususnya pembentang kertas kerja dan peserta yang hadir. Segala dapatan kajian, idea dan pendapat yang dibentangkan hendaklah digabung dan diadun bagi menghasilkan resolusi yang bermutu. Saya yakin dengan kerjasama semua pihak yang terlibat, matlamat persidangan ini boleh dicapai, sekali gus dapat meningkatkan lagi keunggulan institusi Perpustakaan negara ini di mata dunia.
14. Sebelum saya undurkan diri, jutaan terima kasih kepada YB Datuk Wira kerana melapangkan masa hadir pada majlis ini, dan tidak dilupakan kepada para peserta Persidangan Antarabangsa PERPUN Kali ke 4, 2015 .

Halus berseri sulaman baju,  
Berwarna-warni corak disembat,  
Teknologi kini semakin maju,  
Revolusi maklumat perlu dimanfaat.

Sekian, *Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*